

11 MAY 2003

Mahathir-Perpaduan

ANGGOTA UMNO PERLU PASTIKAN PERPADUAN JADI KEKUATAN UTAMA PARTI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata setiap anggota Umno perlu memastikan perpaduan dan keutuhan parti menjadi kekuatan utama untuk menghadapi segala cabaran.

Perdana Menteri berkata setiap anggota perlu mengelakkan keretakan yang sudah mula kelihatan dalam Umno sehingga wujud kumpulan serpihan yang cuba memecahbelahkan perpaduan parti.

"Kita masih bersatu padu tetapi unsur perpecahan sudah bermula dan keretakan sudah kelihatan.

"Dulu kita retak juga dan kita dapat pulih. Sekarang ini kita sudah kembali bersatu padu tetapi masih ada juga serpihan-serpihan yang sedikit mencederakan kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan sambutan ulangtahun ke 57 Umno di Stadium Merdeka di sini, malam ini.

Ditanya lanjut mengenai siapakah kumpulan serpihan yang dimaksudkannya, beliau berkata mereka adalah anggota Umno yang kecewa tidak mendapat tempat dalam parti dan marah.

Presiden Umno itu berkata walaupun kumpulan serpihan itu kini berkurangan, tetapi terdapat cubaan untuk menggugat perpaduan Umno dan cuba menarik keluar anggotanya daripada parti yang menjadi tunjang pemerintahan negara ini.

"Ini semua adalah untuk kepentingan diri, kalau dia (anggota Umno) berusaha untuk kepentingan bangsa, agama dan tanah air, dia akan berusaha untuk tidak mengadakan serpihan-serpihan ini," katanya.

Mengenai kesediaan anggota Umno menghadapi cabaran besar dan bahaya penjajahan baru, beliau berkata setiap anggota Umno dan orang Melayu khususnya perlu mengikis segala sikap negatif dan kepentingan diri bagi menghadapi cabaran berkenaan.

Perdana Menteri berkata pada masa ini orang Melayu masih lagi mementingkan diri sendiri daripada kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Kita masih relaks, kita tidak memikirkan yang kita dalam bahaya, kita ingat kita boleh berseronok dan bermain, kita tidak berusaha gigih, kita tidak belajar, kita tidak berdisiplin dan berpecah belah.

"Kita lebih berminat dengan hal-hal peribadi berbanding kepentingan negara. Sebagai contoh untuk menjadi ketua bahagian Umno, anggota Majlis Tertinggi dan menjadi calon (bagi pilihan raya)," katanya.

Dr Mahathir, berkata yang penting ialah untuk meneruskan perjuangan kerana ia belum selesai malah menghadapi cabaran dan bahaya yang lebih besar.

Terdahulu, sambutan ulangtahun Umno yang berlangsung dalam keadaan hujan tidak menghalang kira-kira 40,000 anggota dan penyokongnya untuk terus berada di tempat masing-masing dan mendengar ucapan Dr Mahathir yang berlangsung selama hampir satu setengah jam.

Sambutan yang diadakan dengan penuh semangat nasionalisme dan patriotisme itu bermula dengan Dr Mahathir menaiki pedati mengelilingi stadium, diiringi timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob di pedati lain serta 57 anggota Pergerakan Pemuda Umno menaiki motosikal besar.

Laungan "Hidup Umno, Hidup Melayu, Hidup Parti Kita" serta tepukan dan sorakan menyemarakkan lagi suasana sambutan.

Turut hadir ialah ketua pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Amar Leo Moggie dan Presiden Parti Progresif Penduduk

(PPP) Datuk M.Kayveas.
-- BERNAMA
HS HK PR